

NEWSPAPER CLIPPING  
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION

DATE: 20/ 3/ 2009

UTUSAN MALAYSIA

U.M. - 20/3/2009

## PLF: Hazman dilantik Felo Residen

KUALA LUMPUR 20 Mac – Yayasan Kepimpinan Perdana (PLF) secara rasminya telah melantik Profesor Dr. Hazman Shah Abdullah daripada Jabatan Kajian Sains Pentadbiran dan Dasar di Universiti Teknologi Mara, sebagai Felo Residen, Tan Sri Datuk Dr. Teh Hong Piow.

PLF dalam kenyataannya di sini berkata, Dr. Hazman akan menerima geran penyelidikan RM80,000 yang disumbang oleh Public Bank, bagi menjalankan penyelidikan mengenai 'Kualiti Tadbir Urus Tempatan: Kaji Selidik Dua Pihak Berkuasa Tempatan di Semenanjung Malaysia'. Penyelidikan itu akan menumpukan kepada tadbir urus di peringkat pihak berkuasa tempatan di mana penilaian selalunya lemah berbanding di peringkat negeri dan persekutuan, kata PLF.

PLF merupakan pertubuhan bukan keuntungan yang dikhususkan bagi sejarah kepimpinan Malaysia, menekankan terutamanya kepada dasar, strategi dan sumbangan bekas-bekas perdana menteri Malaysia.